

## **JAWATAN KOSONG**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempelawa pemohon daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai:**

### **Pegawai Penyelidik Gred 52 (Terbuka)**

1. a) Jawatan : Pegawai Penyelidik Gred 52 (Terbuka)
- b) Kementerian/Jabatan/  
Badan Berkanun/Kuasa  
Tempatan : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
(MITI)
- c) Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi (E)
- d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- f) Taraf Jawatan : Kontrak
- g) Gred : 52 (Terbuka)
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
E52	RM5,753.00	RM12,351.00	RM290.00

- Imbuhan Tetap : Imbuhan Tetap Perumahan : RM700.00  
Imbuhan Tetap Keraian : RM600.00  
Bantuan Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

3. Syarat Kelayakan : Calon hendaklah memiliki syarat kelayakan seperti berikut:
- a) Warganegara Malaysia;
  - b) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan yang setaraf dengannya;
  - c) Sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam tugas yang berkaitan dengan bidang penyelidikan dan penulisan;
  - d) Sekurang-kurangnya berumur 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - e) Mempunyai kebolehan bertutur dan menulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik serta mempunyai kebolehan bertutur dan menulis di lain-lain bahasa adalah satu kelebihan.
4. Keutamaan diberikan kepada calon : a) Keutamaan kepada yang berkelulusan akademik dalam bidang Ekonomi, Perdagangan, Statistik dan yang berkaitan;
- b) Memahami mengenai proses dan prosedur Kerajaan/ Agensi;
  - c) Mempunyai kemahiran analitikal – berupaya menganalisis dan menterjemah maklumat/data seterusnya memberi cadangan yang bernas terhadap sesuatu isu;
  - d) Mampu berdikari dan bekerja dengan penyeliaan yang minimum;
  - e) Mempunyai kemahiran merancang dan mengurus – berupaya membina kepercayaan dan kredibiliti dengan pihak berkepentingan; dan
  - f) Mempunyai kemahiran dalam interpersonal, pentadbiran organisasi dan boleh bekerja dalam pasukan.
5. Deskripsi Tugas : a) Membuat analisa terperinci dan menyediakan laporan ke atas polisi-polisi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan serta industri sektoral dalam dan luar negara;
- b) Menjalankan kajian secara *in-house* berdasarkan keperluan Bahagian dan Agensi di bawah MITI;
  - c) Memantau isu-isu ekonomi global semasa di peringkat mikro dan makro bagi menyalurkan

- maklumat terkini berkaitan perdagangan dan industri;
- d) Membantu memberikan input bagi penentuan hala tuju strategik jangka panjang MITI;
  - e) Membantu menyebarkan maklumat atau trend terkini berkaitan isu-isu perdagangan, industri dan pelaburan dalam dan luar negara;
  - f) Menyelaras dan memantau kajian-kajian yang dijalankan oleh pihak ketiga berkaitan dengan perdagangan, industri dan pelaburan dalam negara; dan
  - g) Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.
6. Lokasi : Kuala Lumpur
7. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MITI yang boleh dimuat turun di laman sesawang [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my). Permohonan yang tidak menggunakan borang tersebut akan ditolak. Pemohon perlu menulis nama jawatan yang dimohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Tingkat 23, Menara MITI,**  
**No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,**  
**50480 Kuala Lumpur**

8. Catatan Tambahan :
  - a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
  - b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup adalah dianggap tidak berjaya; dan
  - c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh kerajaan.
9. Tarikh Tutup : **09 Oktober 2020 (Jumaat) sebelum 5.00 petang**

10. Pertanyaan : Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:
- a) Puan Wan Nadirah Wan Yaheya /  
[wannadirah@miti.gov.my](mailto:wannadirah@miti.gov.my) / 03-62000193
  - b) Cik Shairah Dzul Khair /  
[shairahdz@miti.gov.my](mailto:shairahdz@miti.gov.my) / 03-62000198
  - c) Puan Helmi Wati Almi /  
[helmiwati@miti.gov.my](mailto:helmiwati@miti.gov.my) / 03-62000211
  - d) Puan Rodziah Mohd Radzi /  
[rodziahradzi@miti.gov.my](mailto:rodziahradzi@miti.gov.my) / 03-62000239